

APA KATA MEREKA?

"KEUNIKAN cara hidup masyarakat di sini, bagi saya, merupakan sesuatu yang menarik.

"Jadi pengalaman ini mungkin boleh dirasai oleh pelancong yang mahu hidup dengan cara kampung... tanam sayur dan padi."

Penyelidik dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) UMS ini mengakui pengalaman melalui cara hidup kampung boleh menjadi terapi kepada individu yang mahu bebas dari kesibukan kota atau bebanan kerja.

Katanya, walaupun terdapat rumah yang sudah baru dan moden, namun masih terdapat rumah kampung di Long Pasia yang boleh menjadi tarikan.

PROF MADYA DR MONICA SULEIMAN,
Universiti Malaysia Sabah (UMS)



"TERDAPAT kawasan tertentu yang sedang kita laksanakan penyelidikan dan usaha-usaha pembangunan.

"Bagaimanapun, usaha ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk komuniti di sini. SFI tidak dapat dilaksanakan sendiri," katanya.

Mengakui tekanan yang diterima sangat tinggi dalam memastikan kejayaan usaha

itu, katanya, input daripada semua pihak amat diharapkan.

"Kita perlukan kerjasama daripada semua pihak. Perbincangan lebih mendalam dengan masyarakat juga akan dilaksanakan untuk memperjelas tentang usaha ini."

ANGELICA S.SUIMIN,
Sabah Forest Industries (SFI)

"PALING penting adalah penguatkuasaan kerana ketika ini masih terdapat ramai pemburu haram di sini. Kita mengesaya agar penduduk sedar kesan tindakan mereka itu.


"Kita berharap penduduk juga tidak menembak 'payau' (rusa) yang memang masih berlaku ketika ini," kata Penolong Pegawai Daerah ini.

Tambahnya, ketika ini juga aktiviti mencuri spesies orkid masih berlaku dengan kerap selain beberapa serangga lain turut menjadi mangsa.

"Jadi kita minta agar penguatkuasaan akan lebih diperketatkan.

"Manakala dari pihak pentadbiran daerah, kami berharap agar segala usaha yang telah dilaksanakan akan dapat diteruskan di samping berharap inisiatif yang dirancang untuk masa depan ini akan dapat dilaksanakan," katanya.

MATLIN DULLAH,
Pejabat Daerah Sipitang



PAGI yang dingin di Long Pasia.



JALAN raya ke Long Pasia.

Menggilap pesona Long Pasia

UB 01-04-2012 B2

LONG PASIA. Keindahan alamnya tidak dapat dinafikan namun semua itu tidak akan memberikan manfaat kepada penduduk di kawasan terbabit terutamanya sekiranya tiada usaha diambil untuk memanfaatkan keindahan itu.

Justeru, atas kesedaran potensi yang dimiliki oleh Long Pasia, Taman-Taman Sabah, iaitu agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) telah menjalankan tinjauan singkat di kawasan

ini pada Mei tahun lepas. Pelaksanaan itu memberi fokus kepada potensi eko-pelancongan yang terdapat di sini.

Hasilnya telah dikongsikan dalam Seminar Potensi Eko-Pelancongan Long Pasia, baru-baru ini. Menyifatkan usaha itu sebagai langkah pertama dari timbunan cabaran yang bakal dihadapi, Pengarah Taman-Taman Sabah, Paul Basintal berkongsi harapan Taman dalam memanfaatkan potensi yang telah dikenalpasti ini.



PENYELIDIK daripada UMS dan TTS bersama dengan pemandu pelancong, Noh Dawah (dua kiri) yang sangat arif keadaan hutan di Long Pasia.

kemudahan asas masih kurang, tetapi juga aspek penyertaan masyarakat Bumiputera sendiri.

Kerana itu, usaha menambah dan menaiktaraf kemudahan selain memberi insentif dan galakan kepada masyarakat tempatan di sini diperlukan.

Sebelum ini, empat pemilihan konsesi tanah iaitu Pejabat Daerah Sipitang, Jabatan Perhutanan, SFI dan penduduk kampung mendedahkan mereka telah memiliki pelan eko-pelancongan masing-masing.

"Ini memudahkan kerja-kerja penyelarasan pelan oleh kementerian dan pada masa yang sama dapat membantu usaha Taman-Taman Sabah untuk membangunkan eko-pelancongan di sini," katanya.

Long Pasia mempunyai rangkaian tarikan pelancongan yang tidak dapat dinafikan keupayaannya menjadi dambaan para pencinta alam.

Dari sekecil-kecil serangga kepada mamalia, tumbuhan

Menariknya juga, sebahagian besar kawasan hutan ini termasuk inisiatif Heart of Borneo (HoB) yang juga melibatkan Brunei, Indonesia (Kalimantan) dan Sarawak.

Hutan Simpan Ulu Sungai Padas dan Hutan simpan Sipitang pula merupakan Hutan Simpan Kelas II dan diuruskan di bawah Pengurusan Hutan Berkekalan (SFM) dengan Sabah Forest Industries sebagai pemegang lesen (FMU 7) dengan Perjanjian Pengurusan Hutan Berkekalan (SFMLA).

Justeru, menyedari situasi bahawa ketika ini aktiviti pelancongan berlaku tanpa pengurusan yang teratur, Taman-Taman Sabah yang telah membuat pemantauan potensi pada Mei 2011 tampil mendedahkan potensi yang dimiliki kawasan itu dari aspek eko-pelancongan.

Tinjauan lanjut melibatkan beberapa lagi pihak seperti WWF-Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut diadakan awal tahun ini.

Pada masa sama, agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar turut menjelaskan bahawa usaha mereka itu tidak dapat dilaksanakan sendiri, sebaliknya memerlukan sokongan daripada semua pihak yang berkaitan.

"Kita berharap komunikasi dengan agensi berkepentingan akan dapat

dirapatkan bagi menjelaskan salah faham sekiranya wujud, tentang usaha pembangunan ini," katanya.

Mengakui pemilihan Long Pasia sebagai subjek penyelidikan potensi itu bukanlah mudah, Paul berkata ada pihak yang mempersoalkan pemilihan kampung itu bagi tujuan pembangunan eko-pelancongan terbabit.

Bagaimanapun, mereka tidak cepat melatah, bahkan sedia memberi penerangan kepada pihak terbabit tentang alasan berkenaan yang disifatkan harus difahami semua, terutamanya penduduk di kawasan itu.

Melihat kepada potensinya, dedah Paul, penduduk harus sedar bahawa walaupun kampung terbabit yang dipilih, namun limpahan pembangunan pasti akan turut dinikmati oleh penduduk di kampung-kampung berdekatan.

"Pemilihan Long Pasia adalah kerana kedudukannya yang strategik dengan statusnya sebagai terminal destinasi eko-pelancongan di bahagian barat daya Sabah," katanya yang menegaskan, penduduk di sepanjang jalan masuk ke kampung ini turut berpeluang mendapat manfaat daripada usaha itu.

Seperti yang dijelaskan dalam seminar, untuk membangunkan eko-pelancongan di sini, pihak berkenaan bukan sahaja berhadapan cabaran



Oleh **NIK JASNI CHE JAAFAR**
nikjasni.ub@gmail.com

TERLETAK di sudut barat daya Sabah, Kampung Long Pasia bukan sahaja terkenal dengan keindahan alamnya tetapi juga keunikan budaya masyarakat Lundayeh di sini.

Dikenali sebagai hutan kerangas, kawasan ini berada di kedudukan yang strategik iaitu di sempadan Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

Sehingga kini, kawasan ini belum dibangunkan dari segi eko-pelancongan sebaliknya hanya industri perkayuan melalui Sabah Forest Industries (SFI) yang telah diusahakan.

Bagaimanapun, usaha itu dilihat tidak mampan dan tidak memberikan keuntungan berterusan kepada penduduk tempatan di sini.

Apatahlagi Sipitang mempunyai seluas 215,462 hektar hutan simpan, yang merupakan 70 peratus daripada keluasan daerah Sipitang.



LANDASAN Kapal Terbang MAS di Long Pasia, kini tidak lagi digunakan kerana jalan raya ke Long Pasia telah siap pada tahun 1997. - Gambar oleh Sofiana Waslin.



CABARAN ke Long Pasia dengan aliran air sungai yang melepasi laluan konkrit.